

# Jangan ambil tindakan kepada peniaga kecil

UM - 16/12/2021 mlb: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyeru bank dan institusi kewangan memberi pertimbangan sewajarnya supaya tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga dan penaja kecil yang gagal melunaskan hutang.

Perdana Menteri berkata, langkah itu seperti dilaksanakan institusi kewangan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) iaitu Bank Rakyat dan SME Bank yang tidak mengambil tindakan ke atas golongan itu kerana tidak mampu membayar pinjaman.

“Saya berharap bank milik kerajaan seperti Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad juga mengambil tindakan sama seperti dilakukan oleh institusi kewangan di bawah MEDAC,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Sambutan Hari Penaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 (HPPK 2021) anjuran MEDAC dan Pelancaran Program Transformasi Pasar Malam oleh Kementerian Peru-



**ISMAIL Sabri Yaakob melawat gerai sempena majlis sambutan Hari Penaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan (HPPK) 2021 dan Pelancaran Program Transformasi Pasar Malam di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

mahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, dua tahun kebelakangan ini merupakan tempoh yang sukar apabila penularan Covid-19 memberi kesan cukup mendalam kepada seluruh Keluarga Malaysia.

Katanya, bukan sedikit ke-

san yang menimpa khususnya kepada penaja dan peniaga kecil. Ada yang tidak mampu bertahan dan gulung tikar, tidak kurang juga terpaksa mencari alternatif perniagaan yang lain untuk bangkit kembali.

“Apabila sektor ekonomi mula dibuka dan dibenarkan

beroperasi, baru mereka boleh menarik nafas lega.

“Justeru, penganjuran HPPK dan pelancaran Program Transformasi Pasar Malam merupakan pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan golongan penaja dan peniaga kecil kepada negara,” katanya.